



Lapangan Terbang Antrabangsa Melaka bakal dijadikan **pusat pelancongan**.

[GAMBAR HIASAN]

## LTAM pusat pelancongan bahagian selatan

**?** Apakah perancangan Kerajaan Negeri Melaka untuk memajukan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM)?

**Kamaruddin Harun**  
Tanjung Kling, Melaka

**!** Sebenarnya, LTAM Batu Berendam akan dijadikan pusat pelancongan negara bagi selatan Semenanjung dengan sasaran 30,000 penumpang setiap tahun, mulai tahun depan. Kerajaan negeri akan mendapatkan kerjasama sektor swasta untuk melabur.

Sekarang hanya ada syarikat penerbangan Sky Aviation yang menyediakan perkhidmatan penerbangan pergi dan balik ke Pekan Baru, Tanjung Pinang dan Jambi, Sumatera.

Kita meletakkan sasaran 2,500 penumpang menggunakan pesawat Fokker 50 ke tiga destinasi itu

setiap bulan. Penerbangan Melaka-Pekan Baru-Melaka disediakan pada Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu dan Ahad.

Laluan Melaka-Tanjung Pinang-Melaka pula disediakan pada setiap Rabu dan Ahad. Usaha ini bukan saja mampu menambah bilangan pelancong Indonesia ke Melaka, malah mengembangkan pasaran pelancongan berasaskan kesihatan di negeri ini.

Sky Aviation memilih LTAM sebagai hab penerbangannya kerana lokasinya strategik di selatan Semenanjung dan memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan penerbangan ke Tanjung Pinang.

Selain itu, kos rawatan lebih rendah berbanding Singapura dan Jakarta turut mendorong pembangunan pelancongan berasaskan kesihatan di negeri ini.

**Datuk Seri Mohd Ali Rustam**,  
Ketua Menteri Melaka